

29/09/1997

Negara masih mampu bertahan

MESYUARAT Tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia di Hong Kong yang berlangsung minggu lalu melahirkan beberapa isu penting berikutan krisis mata wang yang masih lagi mencengkam negara rantau ini, termasuk Malaysia.

Sejak negara diserang oleh spekulasi mata wang hingga menyebabkan kejatuhan nilai mata wang terhadap mata wang utama dunia, beberapa langkah jangka pendek dan panjang mula dilaksanakan kerajaan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara tetap mapan.

Bagaimanapun, ini masih lagi tidak memadai kerana proses globalisasi yang boleh menyebabkan prestasi ekonomi negara menjadi terjejas; apatah lagi ketidakseimbangan di antara eksport dan import negara turut mempengaruhi keupayaan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan. Atas dasar itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin masalah berkenaan tidak akan dapat diatasi oleh negara yang terbabit secara bersendirian. Penggembleran usaha antara negara Asia Tenggara perlu dilakukan bersama bagi memastikan sebarang usaha menjatuhkan kekuatan ekonomi serantau dapat dielakkan atau dibendung sama sekali.

Antara cadangan yang diutarakan ialah mengetatkan lagi polisi kewangan negara Asean dan mewujudkan satu mekanisme bersama antara negara Asean dalam menangani krisis mata wang di rantau ini. Bahkan dalam ucapan beliau ketika di Hong Kong, Perdana Menteri mengkritik sistem kewangan dunia yang membenarkan spekulasi mata wang sebagai satu bidang dagangan kerana bagi beliau, ia tidak perlu dan tidak bermoral. Ianya lebih menekan negara membangun dan mengakibatkan usaha pembangunan ekonomi yang dilakukan sejak sekian lama akan berkecai begitu sahaja.

Atas dasar itu, satu bentuk kerjasama di antara negara maju dan membangun harus diwujudkan bagi mengurangkan kebergantungan negara membangun terhadap negara maju. Ini sekiranya tidak dilakukan, akan mewujudkan satu bentuk penjajahan baru yang lebih halus hingga mampu menjatuhkan keupayaan sesebuah negara untuk maju dan mengurangkan daya saingnya dalam medan globalisasi ekonomi.

Delegasi Malaysia dalam mesyuarat tahunan itu juga menyarankan dua inisiatif yang dikira dapat membantu mengurangkan risiko krisis pasaran kewangan daripada berlaku. Pertamanya, ia mencadangkan supaya satu bentuk penyelarasan antarabangsa diwujudkan bagi mengawasi pasaran kewangan dunia. Ia boleh dilakukan dengan mewujudkan sistem maklumat perdagangan antarabangsa bagi pasaran mata wang asing luar bagi membolehkan kegiatan urus niaga mereka diawasi oleh pihak berkuasa.

Juga wujud keperluan meluaskan lagi Standard Penyebaran Maklumat Khas (SDDS) IMF bagi meningkatkan ketelusan kegiatan yang dilakukan oleh pedagang pasaran. Keduanya ialah dengan mewujudkan satu rangka polisi yang mampu memberi ruang kepada negara untuk menjadi lebih fleksibel dan proaktif dalam menangani kesan negatif akibat aliran yang tidak seimbang.

Negara masih mampu bertahan daripada keadaan ekonomi yang tidak menentu ini disebabkan oleh beberapa faktor iaitu kadar tabungan yang agak tinggi, peningkatan pelaburan yang pesat dan memberangsangkan, polisi pelaburan yang berorientasikan mesra pengguna dan berpandangan ke hadapan serta program basmi kemiskinan.

Malahan cadangan negara Asia Tenggara untuk mewujudkan dana serantau bagi menyelamatkan kelembapan ekonomi adalah satu langkah yang pragmatik dalam memerangi konflik kewangan buat masa ini. Cadangan itu mendapat

sokongan daripada Hong Kong dan Jepun kerana ia adalah satu kemudahan serantau serta menguatkan daya tahan negara terbabit dalam menghadapi sebarang konflik ekonomi.

Sebagai rakyat negara ini, kesan konflik ini boleh kita atasi secara bersama-sama dengan mengamalkan perbelanjaan berhemat. Pengumuman kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan kementerian dan agensinya sebanyak dua peratus harus diberi sokongan padu daripada semua pihak. Peningkatan produktiviti perlu dilaksanakan demi menjamin daya saing negara di arena antarabangsa.

Kita juga harus mengurangkan pergantungan terhadap barangan import dan lebih menjuruskan kepada barangan keluaran tempatan. Syarikat tempatan seharusnya mengambil peluang meningkatkan eksport kerana harga barangan sudah menjadi murah dan ini adalah satu peluang untuk kita terus bersaing dengan lebih kompetitif melalui penawaran produk pada harga yang lebih murah. Semoga pengajaran yang kita dapati daripada konflik ini lebih memantapkan perkembangan ekonomi negara ini.

(END)